



ALBUM...MPP UMS sesi 2009/2010 merakamkan kenangan bersama Kamaruzaman dan pegawai HEP.

UMS pentingkan kebajikan pelajar



SELARAS dengan usaha melahirkan mahasiswa yang berwibawa, inovatif dan mempunyai ilmu pengetahuan serta kemahiran, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sentiasa menitikberatkan kebajikan pelajar. Justeru, Naib Canselor UMS, Brig-Jen Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampon berkata, para pelajar perlu memanfaatkan segala kemudahan yang disediakan demi meningkatkan pencapaian ilmu pengetahuan dalam segala bidang

akademik serta pembangunan sahsiah diri.

Menurutnya, pelajar perlu mematuhi segala peraturan dan akta universiti selain memiliki semangat jati diri, beretika dan berakhlak mulia. Mereka tidak seharusnya terpengaruh dengan anasir negatif atau perkauman yang boleh membawa kepada perpecahan perpaduan.

"Sebagai universiti awam ke sembilan ditubuhkan di negara ini, UMS akan sentiasa membangunkan kampus dan menyediakan pelbagai kemudahan asas untuk kepentingan pelajar," katanya pada majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2009/2010 anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), UMS di sini baru-baru ini.

Tambahnya, segala kemudahan itu termasuklah dalam bidang pengajaran



Kamaruzaman ketika menyampaikan ucapannya pada majlis itu.

dan pembelajaran, peralatan canggih dan moden seperti makmal sains, kejuruteraan, komunikasi dan multimedia, komputer dan makmal bahasa akan dipertingkatkan seiringan dengan keperluan masa kini.

Beliau turut mengucapkan

tahniah kepada MPP yang sentiasa berani menerima cabaran dan dugaan untuk terus memimpin pelajar UMS yang kini mencecah 15,000 pelajar.

"MPP merupakan agen perantara pelajar dengan pengurusan universiti dalam menyuarakan pelbagai isu kebajikan dan perkara yang berhubungkait dengan pembangunan sahsiah pelajar.

"Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan sokongan yang diberikan oleh MPP semasa pendaftaran pelajar baru dan Minggu Suai Mesra (MSM) 2010/2011. Kerjasama yang ditunjukkan ini mencerminkan perpaduan yang jitu dan sekaligus mamajukan kecemerlangan UMS sebagai 'Kampus Ceria'," jelasnya.

Kamaruzaman berkata, MPP merupakan medium interaksi dan menjadi landasan utama bagi menyalurkan suara



TAHNIAH...Syafiq menerima Watikah Pelantikan daripada Kamaruzaman.

mahasiswa kepada pihak universiti dan kerajaan demi memastikan hak pelajar terbela dan menyediakan aktiviti kemahasiswaan.

Katanya, objektif MPP adalah untuk mendengar dan mengenalpasti permasalahan mahasiswa dan mengutarakan segala isu-isu kepada pihak berwajib selain mengkaji keberkesanan pelaksanaan dasar yang membabitkan kepentingan pelajar.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Madya Dr. Kasim Haji Mansur berkata, peranan pelajar adalah penting untuk menanamkan dan membangunkan diri yang berketrampilan, berdaya saing, membina keperibadian dan mempunyai akhlak mulia.

Katanya, sebarang kemusykilan dan permasalahan yang timbul dalam kalangan pelajar seharusnya dimaklumkan

ke Jabatan HEP selaras dengan objektif jabatan itu iaitu, mengurus, mengatur dan mengawal selia semua kegiatan yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah serta kebajikan pelajar.

"Ia bagi mewujudkan

keselesaan dalam proses pembelajaran dan suasana kehidupan kampus yang berkualiti dan harmoni sekaligus memastikan kegiatan pelajar dapat dilaksanakan ke arah melahirkan graduan yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan bersahsiah tinggi selaras dengan visi dan misi universiti," katanya.

Lebih 30 orang pemimpin pelajar hadir pada majlis berkenaan yang diketuai oleh Pemangku Presiden MPP, Mohamad Syafiq Ridzwan Jamaluddin. MPP UMS memperuntukkan sejumlah 34 kerusi termasuk sembilan kerusi Majlis Tertinggi dan 25 kerusi Majlis Eksekutif.

Turut hadir, Ketua Jabatan HEP, Darwis Awang yang juga pengerusi penganjur serta pegawai-pegawai HEPA dan para pengetua kolej kediaman.